

BND10,500 untuk Tabung Kemanusiaan Bencana Banjir Malaysia

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Januari. - Di atas dasar pemudahan orang ramai dalam membantu meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh penduduk di Malaysia yang mengalami bencana banjir, Majlis Penyampaian Derma bagi Tabung Kemanusiaan Bencana Banjir Malaysia telah diadakan di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Hadir bagi menerima sumbangan derma tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pchin Orang Kaya Pekerja Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Majlis juga dihadiri oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Awang Sahak bin Awang Salleh; Setiausaha-Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar dan Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendi bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka IJaz Abidin.

Sumbangan derma berjumlah BND10,500 itu diterima daripada Persatuan Warganegara Malaysia di Negara Brunei Darussalam yang diserahkan oleh Presiden persatuan berkenaan, Encik James Lee Kok Choo.

Setakat ini, Tabung Kemanusiaan Bencana Banjir Malaysia telah berjaya mengutip sebanyak BND12,500 termasuk sumbangan yang diterima hari ini.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pchin Orang Kaya Pekerja Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menerima sumbangan berjumlah BND10,500 yang diserahkan oleh Presiden Persatuan Warganegara Malaysia di Negara Brunei Darussalam, Encik James Lee Kok Choo.

Nabi Muhammad miliki akhlak teragung

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Januari. - Walaupun bulan Rabuulawal baru saja berlalu, namun sambutan Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terus diadakan oleh pelbagai pihak di negara ini.

Antara yang mengadakan majlis scumpamanya ialah Pejabat Pegawai Negara (PPN) yang berlangsung di Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh.

Terdahulu, Ketua Penasihat Undang-Undang, Dayang Zuraini binti Haji Sharbawi, selaku Pengurus majlis dalam ucapan alu-aluannya turut menyentuh mengenai tema bagi sambutan Maulidur Rasul tahun ini

iaitu 'Mencintai Rasulullah'.

Jelnya, ini merupakan kesempatan bagi pegawai dan kakitangan PPN untuk menzahirkan rasa cinta dan kasih yang mendalam terhadap Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di samping itu, majlis tersebut, katanya adalah sebagai wadah untuk menilai sejauh mana kita dapat menghayati kehidupan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dan menjadikan cara penghidupan Baginda itu sebagai contoh yang patut diikuti dalam kehidupan sehari-hari mesuklah bagaimana kita dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab serta memperbaiki akhlak dalam pergaularan di pejabat berkacaan.

Di samping itu katanya, siapa yang mentaati Allah dan RasulNya maka mereka di Hari Kiamat kelak akan diberi nikmat oleh Allah Subhanahu Wata'ala bersama-sama dengan golongan para bari, orang yang mati syahid, orang-orang yang benar dan orang-orang yang soleh.

Cara seseorang mencintai Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, katanya ialah dengan mentaati Allah dan Rasul-Nya yang merupakan kunci kecintaan kita kepada Baginda.

Beliau berkata, seperti yang dimaklumi, tidak akan ada lagi manusia yang sehebat dan seagung manusia yang bernama Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang merupakan satu-satunya manusia yang dipuji oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Tambahnya, itu pengakuan yang datang daripada Pencipta sekalian alam taitu Allah Subhanahu Wata'ala yang memberitahu bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu adalah pemilik akhlak yang teragung.

Di samping itu katanya, siapa yang mentaati Allah dan RasulNya maka mereka di Hari Kiamat kelak akan diberi nikmat oleh Allah Subhanahu Wata'ala bersama-sama dengan golongan para bari, orang yang mati syahid, orang-orang yang benar dan orang-orang yang soleh.

Cara seseorang mencintai Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, katanya ialah dengan mentaati Allah dan Rasul-Nya yang merupakan kunci kecintaan kita kepada Baginda.

Majlis seterusnya disusuli dengan



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh semasa hadir pada Majlis Sambutan Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Pejabat Peguam Negara.

penyerahan cenderahati kepada pegawai yang bersara dan bacaan zikir oleh pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara.

Dengan dianjurkan oleh Jawatankuasa Acara-Acara Keugaman PPN, majlis antara lain bertujuan

bagi meraikan sambutan Maulidur Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta bersama-sama mengambil pengajaran dan ikhtiar daripada sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panduan cara hidup scharian.

Dakwah senjata umat Islam

Oleh : Nooratin Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Januari. - 'Dakwah' adalah satu senjata yang paling penting dan sentiasa dipertahankan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perkara itu antara intipati Ceramah Motivasi 'Rasullullah Obor Transformasi Ummah' yang disampaikan oleh Penceramah Undangan dari Malaysia, Dr. Daniel Zainal Abidin di Auditorium Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Tambahnya, senjata itu tidak digunakan oleh umat Islam sepenuhnya kerana umat Islam pada hari ini berdepan dengan 'artikultur' dan berdepan dengan kartum-kartun negatif.

Ini jelasnya, beriman pada sesuatu

itu bukannya mudah dan yakin pada Allah Subhanahu Wata'ala dan RasulNya juga bukan sesuatu yang mudah namun jika seseorang itu mempunyai satu keyakinan, dan keyakinan itu pula betul, maka iman itu akan terasa kelazatan dan kemanisananya.

Justeru itu, seseorang Islam ujarnya akan menjadi kuat jika mereka menjaga keimanan mereka kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan rasulNya.

Ceramah yang diungkapkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), UNISSA Sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam itu dihadiri oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal.

Objektif ceramah adalah untuk mencegah kejipinjam Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping meningkatkan semangat menuntut ilmu pengetahuan dan membina kemahiran serta jati diri pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini.

Dengan adanya ceramah itu diharasakan dapat menyentuh semangat para pelajar IPT dan melahirkan generasi berwawasan yang membangun negara pada masa akan datang.

Ia juga diharap dapat memberi kesedaran kepada para pelajar IPT tentang peranan dan tanggungjawab yang seharusnya dipikul sebagai pelajar.

Juga hadir ialah pensyarah-pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswa pelajar-pelajar IPT, Pra Universiti dan orang ramai.



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal (kanan sekali) semasa hadir pada Majlis Ceramah Sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran UNISSA.